



Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

**Kemudahan Masjid di Kuching Sarawak Daripada Persepsi
Pengguna: Analisis Daripada Perspektif Pengurusan Fasilitas**

Juwita Zaidi

**Ijazah Sarjana Sains Sosial
2023**

Kemudahan Masjid di Kuching Sarawak Daripada Persepsi Pengguna:
Analisis Daripada Perspektif Pengurusan Fasiliti

Juwita Zaidi

Tesis ini dikemukakan

Bagi memenuhi keperluan untuk Sarjana Sains

(Kajian Pembangunan)

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2023

PERAKUAN

Saya mengaku bahawa kerja-kerja di dalam tesis ini telah diselaraskan dengan peraturan-peraturan Universiti Malaysia Sarawak, dan tesis ini adalah asli. Tesis ini tidak pernah diterima untuk sebarang ijazah dan tidak dikemukakan secara serentak bagi sebarang pencalonan ijazah lain.



.....

Tandatangan

Nama: Juwita Zaidi

No. Matrik: 20020387

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Universiti Malaysia Sarawak

Tarikh: 23 September 2023

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur kepada Tuhan kerana dengan keberkahan-Nya tesis ini dapat disiapkan dengan jayanya walaupun menempuhi pelbagai dugaan dan rintangan. Alhamdulillah.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Adibah binti Yusuf, selaku penyelia saya, Development Studies (Planning and Management), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), di atas kesabaran, sokongan, nasihat dan bimbingan yang diberikan banyak membantu kepada kejayaan dalam penghasilan tesis ini. Segala bantuan, semangat, strategi dan kebijaksanaan beliau telah banyak mengajar saya untuk menjadi seorang penyelidik dan pendidik yang baik.

Terima kasih kepada Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) kerana telah menganugerahkan Biasiswa Unimas Prihatin bagi melanjutkan pelajaran ke peringkat ini. Terima kasih juga kepada pihak institusi kajian, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UNIMAS kerana telah memberi sokongan penuh dalam kerja lapangan dan memudahkan proses untuk mendapat data.

Ribuan terima kasih kepada ibu saya yang saya hormati, Pn. Sa'adiah binti Drahman, rakan karib saya, Sharifah Khairunnisa binti Wan Alwi atas kesabaran, sokongan, bantuan, toleransi, cinta dan doa kalian, sehingga tesis dan pengajian ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Sesungguhnya segala pengorbanan yang telah dilakukan amat saya sanjungi dan akan saya ingati sepanjang hayat ini.

Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan dan bantuan dalam menyiapkan tesis ini. Semoga penyelidikan dan tesis ini dapat dijadikan wadah ilmu yang berguna untuk tatapan generasi akan datang.

ABSTRAK

Pengurusan Fasilitas merupakan pendekatan bersepadu untuk memelihara, memperbaiki dan menyesuaikan bangunan organisasi untuk mewujudkan persekitaran yang sangat menyokong tujuan utama sesuatu organisasi. Kajian ini dibuat bagi mencapai objektif kajian iaitu mengenalpasti isu berkaitan dengan kemudahan di masjid, menilai tahap kepuasan pengunjung terhadap kemudahan yang ditawarkan di masjid serta menilai sama ada kemudahan ditadbir dengan baik berpandukan garis panduan pengurusan fasilitas. Masjid Jamek Negeri Sarawak, Masjid Bandaraya Kuching dan Masjid India Bandar Kuching (Masjid Terapung) merupakan lokasi kajian ini. Pengkaji menggunakan kaedah borang soal selidik bagi mencapai objektif pertama dan kedua. Manakala, kaedah temu bual pula adalah bagi mencapai objektif yang ketiga. Target responden borang soal selidik adalah pengunjung yang datang ke masjid. Manakala responden bagi temu bual ialah AJK atau wakil masjid. Kaedah analisis deskriptif adalah bagi menganalisis data soal selidik yang diperoleh dan analisis eksplorasi pula adalah bagi menganalisis temu bual iaitu mengikut tema setiap soalan yang ditemu bual. Hasil dapatan kajian ini mendapati bahawa Masjid Jamek Negeri Sarawak dan Masjid Bandaraya Kuching mengaplikasikan garis panduan atau pun SOP pengurusan fasilitas. Garis panduan pengurusan fasilitas yang diaplikasikan adalah di bawah Pengurusan Aset dan Fasilitas, Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS). Manakala, bagi Masjid India pula, masjid ini juga mempunyai garis panduan yang tersendiri dalam menguruskan fasilitas di masjid. Garis panduan tersebut adalah di bawah Lembaga Amanah Khairat Masjid Bandar Kuching.

Kata kunci: Pengurusan Fasilitas, garis panduan, masjid, pengunjung, kemudahan fizikal

Facility of Mosques In Kuching Sarawak from the User's Perception: An Analysis from the Perspective of Facility Management

ABSTRACT

Facilities Management is an integrated approach to maintaining, improving, and adapting organisational buildings in order to create an environment that strongly supports an organization's primary purpose. This study was carried out to achieve the objective of the study which is to identify issues relate to facilities in the mosque, assess the level of satisfaction visitors to the facilities offered in the mosque and to determining whether the facilities are well managed in accordance with Facility Management guidelines. This research was conducted at the Sarawak State Jamek Kuching Mosque, the Kuching City Mosque, and the Kuching City Indian Mosque (Floating Mosque). The researcher used the questionnaire form method to achieve the first and second objective, while the interview method was used by the researcher to achieve the third objective. The target respondents of the questionnaire form are visitors who come to the mosque. While, the committee or mosque representative is the intended audience for the interviewees. The descriptive analysis method is to analyse the questionnaire data obtained and the method of exploratory analysis used in analysing the study data is based on the theme of each question interviewed. The outcomes of this study, Sarawak State Jamek Kuching Mosque and Kuching City Mosque follow Facility Management guidelines or SOP. The facility management guidelines used are governed by the Sarawak State Mosque Welfare Trust Board's Asset and Facilities Management (LAKMNS). Meanwhile, the Indian Mosque has its own set of guidelines for managing the mosque's facilities. The Kuching City Mosque Charitable Trust Board is in charge of the guidelines.

Keywords: *Facility management, guideline, mosque, visitors, physical accommodation*

ISI KANDUNGAN

	Muka surat
PERAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
<i>ABSTRACT</i>	v
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xvi
BAB 1	1
1.1 Latarbelakang Kajian	1
1.2 Penyataan Masalah	3
1.3 Objektif	8
1.4 Skop Kajian	8
1.5 Kesimpulan	11
BAB 2 SOROTAN LITERATUR	12
2.1 Pendahuluan	12
2.2 Pengurusan Fasiliti	12

2.3	Tahap Pengurusan Fasiliti	15
2.4	Peranan masjid	18
2.5	Pengurusan Fasiliti dalam Mentadbir Kemudahan Masjid	22
2.6	Konsep Tahap Kepuasan	24
2.7	Kemudahan di Masjid	27
2.8	Kesimpulan	31
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN		33
3.1	Pendahuluan	33
3.2	Kawasan Kajian	33
3.3	Reka Bentuk Kajian	42
3.4	Populasi Kajian	47
3.5	Sampel Kajian	47
3.6	Analisis Data	49
3.7	Kesimpulan	49
BAB 4 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN		50
4.1	Pendahuluan	50
4.2	Dapatan Kajian Kuantitatif	50
4.2.1	Dapatan Kajian di Masjid Jamek Negeri Sarawak (MJNS), Masjid Bandaraya Kuching (MBK), Masjid India Bandar Kuching (MIBK)	51

4.3	Analisis Data Kualitatif	83
4.3.1	Demografi Informan	83
4.3.2	Pengurusan Kemudahan di Masjid	84
4.3.3	Kefahaman Mengenai Pengurusan Fasiliti	91
4.3.4	Analisis Korelasi Masjid Bandaraya Kuching	96
4.3.5	Analisis Korelasi Masjid Jamek Negeri Sarawak	99
4.3.6	Analisis Korelasi Masjid India Bandar Kuching	102
4.4	Perbincangan	105
4.4.1	Demografi Responden	105
4.4.2	Masalah Berkaitan Dengan Kemudahan di Masjid	105
4.4.3	Tahap Kepuasan Pengguna Terhadap Kemudahan di Masjid	106
4.4.4	Tahap Pengurusan Fasiliti	107
4.4.5	Pengurusan Fasiliti Dalam Mentadbir Kemudahan di Masjid	109
4.5	Senarai Semak Kemudahan Yang Ada Di Masjid	110
4.6	Kesimpulan	112
BAB 5 KESIMPULAN		113
5.1	Pendahuluan	113
5.2	Kepentingan Kajian	113
5.3	Limitasi Kajian	114

5.4	Cadangan Lanjutan Kajian	114
5.5	Kesimpulan	115
	RUJUKAN	116
	APENDIKS	127

SENARAI JADUAL

		Muka surat
Jadual 2.1	Peranan dan Fungsi Masjid Serta Keperluan Kemudahan	28
Jadual 4.1	Demografi informan	83
Jadual 4.2	Chi-square tests antara umur dan kekerapan pengunjung ke masjid	97
Jadual 4.3	Chi-square tests bagi kekurangan kemudahan (ruang solat panas) dan tahap kepuasan pengunjung (ruang solat sejuk dan selesa)	98
Jadual 4.4	Chi-square tests bagi kekurangan kemudahan (tempat letak kenderaan tidak mencukupi) dan tahap kepuasan pengunjung (tempat letak kenderaan banyak)	98
Jadual 4.5	Chi-square tests bagi umur dan kekerapan pengunjung ke masjid	99
Jadual 4.6	Chi-square tests bagi kekurangan kemudahan (ruang solat panas) dan tahap kepuasan pengunjung (ruang solat sejuk dan selesa)	100
Jadual 4.7	Chi-square tests bagi kekurangan kemudahan (tempat letak kenderaan tidak mencukupi) dan tahap kepuasan pengunjung (tempat letak kenderaan banyak)	101
Jadual 4.8	Chi-square tests bagi umur dan kekerapan pengunjung ke masjid	102

Jadual 4.9	Chi-square tests bagi kekurangan kemudahan (ruang solat panas) dan tahap kepuasan pengunjung (ruang solat sejuk dan selesa)	103
Jadual 4.10	Chi-square tests bagi kekurangan kemudahan (tempat letak kenderaan tidak mencukupi) dan tahap kepuasan pengunjung (tempat letak kenderaan banyak)	104
Jadual 4.11	Senarai Semak Kemudahan Di Masjid	110

SENARAI RAJAH

Muka surat

Rajah 2.1	Segitiga 'Ps' dan pengurusan fasiliti	13
Rajah 2.2	Ringkasan tahap pengurusan fasiliti	17
Rajah 3.1	Lokasi Masjid Jamek Negeri Sarawak	35
Rajah 3.2	Masjid Jamek Negeri Sarawak	36
Rajah 3.3	Lokasi Masjid Bandaraya Kuching	37
Rajah 3.4	Masjid Bandaraya Kuching	38
Rajah 3.5	Lokasi Masjid India Bandar Kuching	41
Rajah 3.6	Masjid India Bandar Kuching	41
Rajah 3.7	Senarai semak kemudahan dan ruang di masjid	45
Rajah 3.8:	Carta aliran metodologi	46
Rajah 4.1	Peratusan Umur	52
Rajah 4.2	Peratusan Jantina	53
Rajah 4.3	Peratusan Bangsa	54
Rajah 4.4	Peratusan Kategori Responden	55
Rajah 4.5	Peratusan Tahap Pendidikan	56
Rajah 4.6	Peratusan Kekerapan ke Masjid	57
Rajah 4.7	Peratusan Sebab ke Masjid	59
Rajah 4.8	Masalah Kemudahan di Masjid (MJNS)	60
Rajah 4.9	Masalah Kemudahan di Masjid (MBK)	61
Rajah 4.10	Masalah Kemudahan di Masjid (MIBK)	62

Rajah 4.11	Ruang Solat Luas	64
Rajah 4.12	Ruang Solat Bersih Sentiasa Kemas	65
Rajah 4.13	Ruang Solat Sejuk dan Selesa	66
Rajah 4.14	Tandas Bersih	67
Rajah 4.15	Tandas Dekat Dengan Ruang Solat	68
Rajah 4.16	Ruang Wuduk Luas	69
Rajah 4.17	Ruang Wuduk Bersih	71
Rajah 4.18	Ruang Wuduk Berasingan dengan Tandas	72
Rajah 4.19	Ruang Legar Masjid Luas dan Selesa	73
Rajah 4.20	Tempat Letak Kereta Banyak	74
Rajah 4.21	Tempat Letak Motosikal Mencukupi	75
Rajah 4.22	Tempat Letak Kereta Tidak Jauh dari Pintu Masuk Masjid	77
Rajah 4.23	Tempat Letak Motosikal Tidak Jauh dari Pintu Masuk Masjid	78
Rajah 4.24	Akses Kerusi Roda Mencukupi	79
Rajah 4.25	Kualiti Sistem Bunyi Dalam Keadaan Baik	80
Rajah 4.26	Polis Bantuan Menjalankan Tugas Dengan Baik Dan Sangat Membantu	81
Rajah 4.27	Ramp Untuk OKU Sesuai Dengan Keperluan Orang Berkerusi Roda	82

SENARAI SINGKATAN

DBKU	Dewan Bandaraya Kuching Utara
LAKMNS	Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak
MBK	Masjid Bandaraya Kuching
MIBK	Masjid India Bandar Kuching
MJNS	Masjid Jamek Negeri Sarawak
OKU	Orang Kurang Upaya

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latarbelakang Kajian

Pengurusan fasiliti adalah skop disiplin yang merangkumi semua aspek harta benda, ruang, kawalan alam sekitar, kesihatan dan keselamatan serta perkhidmatan sokongan (Isa et al., 2016). Pengurusan fasiliti diaplikasikan dalam pelbagai bidang, bangunan dan sebagainya. Sebagai contoh, pengurusan fasiliti diaplikasikan di sekolah. Pengurusan fasiliti sekolah adalah kaedah penerapan saintifik dalam merancang, mengatur, membuat keputusan, koordinasi dan pengawalan fizikal persekitaran pembelajaran untuk mencapai tujuan dan objektif pendidikan (Asiabaka, 2008). Seterusnya, pengurusan fasiliti juga diaplikasikan di hospital. Shohet dan Lavy (2004) menganggap pengurusan fasiliti kesihatan sebagai salah satu elemen penting dalam menyampaikan perkhidmatan kesihatan dengan jayanya. Pengurusan fasiliti di hospital termasuklah pengurusan kemudahan infrastruktur seperti harta tanah dan harta benda, udara dalaman, struktur, bekalan air, elektrik dan pengurusan telekomunikasi (Ikediashi et al., 2015).

Selain itu, pengurusan fasiliti juga diaplikasikan di masjid, di mana pengurusan fasiliti berperanan dalam penambahbaikan fungsi pengurusan masjid (Sapri et al., 2014). Pengurusan fasiliti yang lemah boleh memberikan impak yang negatif kepada masjid seperti kegagalan untuk menyokong fungsi masjid, tidak menyumbang kepada objektif masjid kerana tidak bijak menguruskan kos, ketidakcukupan dan kekurangan kemudahan untuk keperluan masa depan (Lavy et al., 2010). Oleh itu, pengurusan fasiliti harus dijadikan strategi kerana mempunyai kemampuan untuk meningkatkan prestasi masjid dan meningkatkan fungsinya. Pengurusan fasiliti berperanan menyatukan orang, tempat dan

proses dengan fokus dalam memenuhi keperluan pengguna, maka pendekatan pengurusan fasiliti di masjid adalah sangat penting. Pengarah Pembangunan Islam Malaysia, Datuk Wan Mohamad Datuk Sheikh Abdul Aziz (2012) mengakui bahawa pengurusan fasiliti di masjid amat penting (Berita Harian, 2012).

Pengurusan fasiliti di Malaysia masih belum dipromosikan dan dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia dengan cara yang teratur (Myeda & Pitt, 2014). Menurut Moore dan Finch (2004), pertumbuhan pengurusan fasiliti di Malaysia sangat perlahan dan bidangnya masih di peringkat awal. Hal ini berlaku adalah disebabkan oleh kurangnya pemahaman mengenai pengurusan fasiliti. Pengurusan fasiliti jauh lebih maju dan diamalkan secara meluas oleh pemaju harta tanah atau syarikat di Barat. Terdapat perbezaan pengurusan fasiliti antara Barat dan negara-negara Asia. Di beberapa negara seperti Jepun, Australia, New Zealand, Hong Kong dan Singapura, pengurusan fasiliti telah menunjukkan pertumbuhan positif. Ia dilakukan dalam negara tersebut sebagai aktiviti yang dapat mencapai pengurusan bangunan yang lebih berkesan, perkhidmatan dan tenaga kerja yang berkaitan untuk menyokong objektif strategik organisasi (Myeda & Pitt, 2014).

Masjid didefinisikan sebagai al-masjid yang bermaksud “tempat sujud”. Istilah al-masjid berasal dari perkataan Arab, sajada, yasjudu, sajdan atau sujudan. Ini bermaksud berdedikasi, setia dan hormat dengan menundukkan kepala dengan penuh hormat (Azhar, 2008). Masjid mempunyai pelbagai fungsinya yang berbeza termasuklah sebagai tempat beribadah, pusat pendidikan, tempat perayaan terutamanya sambutan perayaan ulang tahun Nabi, tempat mendapatkan bantuan kebajikan terutamanya ketika masa Covid ini, pusat kaunseling dan banyak lagi. Fasiliti masjid terdiri daripada semua jenis bangunan dan peralatan untuk tujuan solat dan bukan solat. Terdapat dua bahagian ruang masjid yang dapat

dibahagi iaitu ruang dalaman dan luaran. Ruang dalaman merangkumi ruang solat utama, dewan serbaguna, pejabat, kawasan wuduk dan tandas. Ruang luar pula merangkumi kawasan seperti landskap, jalan dan kawasan letak kenderaan (Najafi & Shariff, 2014; Abd Majid, Kawangit & Guleng, 2015; Sapri et al., 2016).

1.2 Penyataan Masalah

Berdasarkan tinjauan beberapa kajian lepas, kajian mengenai praktik pengurusan fasiliti banyak dibincangkan dalam pelbagai kajian kes seperti di institusi pendidikan, perkhidmatan penjagaan kesihatan, bangunan komersial dan bangunan pejabat. Walau bagaimanapun, didapati bahawa kajian yang memfokuskan bangunan agama seperti masjid masih sedikit (Sapri et al., 2016). Menurut Hamid (2013), amalan pengurusan yang betul akan menyumbang untuk meningkatkan prestasi masjid. Penyelidikan bagi mengenal pasti bahawa pengurusan masjid menjadi sangat penting kerana menyumbang kepada kejayaan masjid dalam memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada masyarakat.

Antara isu-isu yang berkaitan dengan fasiliti di dalam masjid adalah kekurangan pengurusan fasiliti yang jelas, yang telah dikenal pasti oleh pengkaji setelah menyemak *Google Review* yang terdapat di laman web Masjid Jamek Negeri Sarawak. Salah satu isu yang ditekankan dalam ulasan tersebut adalah kekurangan kebolehcapaian bagi mereka yang menggunakan kerusi roda. Kekurangan ini menghadirkan kesukaran kepada para pengunjung yang memerlukan kerusi roda untuk menjalankan ibadah dengan selesa, serta merasa terlibat sepenuhnya dalam aktiviti keagamaan.

Seterusnya, Masjid Jamek Negeri Sarawak memerlukan penambahbaikan di banyak kawasan. Hal ini disebabkan oleh masjid yang sudah dibina agak lama amat memerlukan penambahbaikan di setiap kawasan masjid. Pengakuan tentang keperluan penambahbaikan

adalah langkah penting dalam memastikan masjid tetap relevan, berfungsi dengan baik, dan memenuhi keperluan komuniti yang berkembang. Oleh kerana masjid telah dibina agak lama, beberapa faktor seperti perubahan keperluan komuniti, kemajuan teknologi, dan standard aksesibilitas yang semakin meningkat mungkin telah berlaku sejak pembinaan asal masjid.

Dalam hal yang sama, terdapat juga pengunjung yang memberikan ulasan di *Google Review* mengenai kualiti sistem audio yang kurang memuaskan. Hal ini disebabkan ketika khutbah Jumaat berlangsung, para jemaah tidak dapat mendengar khutbah dengan jelas disebabkan oleh sistem audio yang tidak berfungsi dengan baik. Masalah dengan sistem audio di masjid dapat menjadi hambatan dalam menyampaikan khutbah dan pesan keagamaan kepada para jemaah dengan efektif.

Masjid Kristal yang terletak di Terengganu Darul Iman memang menjadi tarikan pelancongan yang penting bagi negeri tersebut. Namun, seperti yang dijelaskan oleh Shah (2017), terdapat beberapa masalah terkait kemudahan di masjid ini yang perlu mendapatkan perhatian serius. Beberapa masalah yang disebutkan meliputi kebocoran atap di ruang-ruang solat, masalah paip wuduk, keadaan tandas yang kurang terurus, dan kerosakan bangunan secara umum.

Penting untuk memahami bahwa masjid tidak hanya berfungsi sebagai tempat ibadah, tetapi juga sebagai simbol kebudayaan dan warisan yang mewakili komuniti dan nilai-nilai yang dipegang teguh oleh masyarakat. Oleh kerana itu, menjaga dan memelihara fasiliti masjid dengan baik sangat penting, bukan hanya untuk kenyamanan jemaah, tetapi juga untuk menghormati nilai-nilai keagamaan dan budaya.

Situasi di Masjid Nurul Iman di Kampung Lombong, Shah Alam, seperti yang dijelaskan oleh Manan (2019), menunjukkan masalah serius yang berkaitan dengan kapasiti dan kemampuan masjid dalam menampung para jamaah. Permohonan perbaikan kemudahan yang telah diajukan oleh masjid selama 11 tahun dan masih belum dapat dilaksanakan menunjukkan tantangan dalam mengatasi masalah tersebut. Faktor-faktor seperti pertambahan bilangan penduduk dan keterbatasan dana dapat mempengaruhi kemampuan masjid untuk memenuhi keperluan jamaah. Penduduk kampung amat berharap yang kemudahan dapat disediakan di masjid kampung tersebut. Timbalan Pengerusi Surau Nurul Iman, Mohd Sairi Mohd Isa berkata, pernah terjadi ketika hujan, jamaah yang solat di tapak letak kereta tetap meneruskan solat mereka dalam keadaan kebasahan kerana tiada bumbung di kawasan itu. Hal ini adalah disebabkan ruang solat yang tidak mencukupi.

Pengurusan fasiliti banyak dipraktikkan dalam pelbagai bidang atau organisasi terutamanya di hospital, pusat membeli belah, kompleks sukan, hotel dan sebagainya. Namun, pengurusan fasiliti ini tidak banyak dipraktikkan dalam pengurusan kemudahan di masjid. Menurut kajian oleh Sapri et al. (2014), mengaplikasikan pengurusan fasiliti dalam menguruskan kemudahan di masjid adalah masih berada di peringkat awal. Tambahan pula, masih tiada pengkhususan yang dibuat untuk menilai kemudahan yang disediakan di masjid. Pengurusan fasiliti yang teruk boleh menyebabkan pelbagai masalah yang berkaitan dengan kemudahan yang disediakan terutamanya di masjid termasuklah masalah sistem bunyi yang tidak dititikberatkan sehingga membuatkan para jamaah tidak dapat mendengar dengan jelas terutamanya ketika sesi ceramah dan sesi khutbah diadakan. Selain itu, masalah tandas yang kotor juga menyebabkan para jamaah tidak selesa dan tidak mahu lagi datang ke masjid tersebut. Hal seperti ini perlu dititikberatkan agar masjid yang dibina, dijaga dengan baik

dan memberi keselesaan kepada para jemaah untuk datang beribadah di masjid serta fungsi masjid tidak hilang begitu saja dan ditutup serta merta kerana tidak dijaga dengan baik.

Menurut Bakri et al. (2018), pengurusan fasiliti masjid menghadapi beberapa masalah, terutama berkaitan dengan infrastruktur yang tidak terkawal, kebersihan, reka bentuk yang tidak sesuai, lokasi yang tidak strategik, kemudahan sanitari yang tidak mencukupi, penggunaan teknik pengurusan fasiliti konvensional, dan alat pemantauan yang tidak mencukupi. Oleh itu, telah terbukti tanpa sebarang keraguan bahawa pengurusan fasiliti memainkan peranan penting dalam mengekalkan fungsi dan aktiviti masjid. Oleh itu, untuk meningkatkan keberkesannya lebih lanjut, penyelidikan berterusan diperlukan. Pengurusan fasiliti masjid melalui strategi pengurusan fasiliti yang sistematik masih dalam peringkat permulaan. Diketahui bahawa belum ada kajian khusus yang menilai pengurusan fasiliti dalam masjid telah dijalankan. Oleh itu, adalah penting untuk mengkaji strategi pengurusan fasiliti yang digunakan dalam masjid. Dalam pada itu, kajian mengenai pengurusan fasiliti berkaitan dengan kemudahan di masjid dengan berlandaskan tahap-tahap pengurusan fasiliti akan memberikan panduan mengenai bagaimana pengurusan fasiliti perlu dikonseptualisasikan, diuruskan, dan dikaitkan dengan aktiviti pengurusan penting dalam konteks masjid di Malaysia. Pendekatan amalan terbaik untuk pengurusan fasiliti masjid juga akan diterangkan dengan jelas dan difahami secara komprehensif.

Kesimpulannya, permasalahan dalam kajian ini ialah mengenai pengurusan kemudahan di masjid di Kuching Sarawak analisis daripada perspektif pengurusan fasiliti. Kemudahan di masjid digunakan sepenuhnya oleh pengguna pada setiap masa bukan sahaja semasa datang ke masjid untuk beribadah, berehat sebentar di masjid dan sebagainya. Permasalahan kajian ini adalah mengenai kekurangan masjid yang menerapkan pengurusan

fasiliti sebagai panduan dalam mengelola fasiliti masjid. Kekurangan penerapan pengurusan fasiliti dapat mengakibatkan berbagai masalah, termasuk kualiti fasiliti yang buruk, keterbatasan kebolehcapaian, dan kesulitan dalam menyampaikan pesan dan kegiatan keagamaan.

Hasil daripada penilaian isu dan pernyataan masalah, telah mewujudkan beberapa persoalan kajian seperti berikut:

- i. Apakah isu yang dibangkitkan oleh pengguna berhubung dengan kemudahan di masjid berhubung dengan pengurusan fasiliti?
- ii. Apakah tahap kepuasan pengguna terhadap kemudahan yang ditawarkan di masjid?
- iii. Adakah kemudahan yang terdapat di masjid ditadbir dengan baik berpandukan garis panduan pengurusan fasiliti?

1.3 Objektif

Bagi menjawab persoalan kajian, terdapat tiga objektif yang diketengahkan dalam kajian ini antaranya ialah:

- i. Mengenal pasti isu berkaitan dengan kemudahan di masjid berhubung dengan pengurusan fasiliti.
- ii. Menilai tahap kepuasan pengguna terhadap kemudahan yang ditawarkan di masjid.
- iii. Menilai sama ada kemudahan ditadbir dengan baik berpandukan garis panduan pengurusan fasiliti.